

16 JUN 1997

Hashim-Letak Jawatan

HASHIM LETAK JAWATAN SUKOM 1998

Oleh: Razman Yaacob

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Jeneral (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali hari ini mengumumkan perletakan jawatannya sebagai Pengerusi Eksekutif Sukom Ninety Eight Berhad ekoran kritikan oleh dua menteri kabinet mengenai kelemahan persiapan penganjuran Sukan Komanwel Kuala Lumpur 1998.

" Surat perletakan jawatan telah saya hantar sendiri ke pejabat Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pagi tadi," katanya selepas pertemuan dengan Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin di Stadium Negara hari ini.

Sukom Ninety Eight Berhad kebelakangan ini menerima kritikan teruk daripada Muhyiddin dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik kerana dikatakan gagal memperhebatkan publisiti mengenai sukan itu, yang terbesar pernah diadakan di rantau ini.

Sabbaruddin dilaporkan berkata Sukom Ninety Eight lebih mementingkan keuntungan dan pegawainya pula lebih banyak membuat lawatan ke luar negara dengan menggunakan tambang kelas pertama daripada menjalankan tugas.

Hashim berada di luar negara minggu lepas ketika kritikan itu dibuat dan hanya pulang dua hari lepas.

"Saya merasa amat kecewa dan terkejut dengan kritikan yang dilemparkan ke atas Sukom Ninety Eight Berhad seperti yang dilaporkan dalam akhbar," katanya.

Ketika ditanya sama ada perletakan jawatannya telah dipersetujui kerajaan, Hashim berkata beliau tidak tahu memandangkan Pemangku Perdana Menteri masih berada di Sabah untuk lawatan dua hari.

Hashim yang kelihatan emosional ketika menjawab soalan pemberita, berkata tindakan beliau adalah rasional berdasarkan maruah dan perasaan tanggungjawab beliau terhadap apa yang berlaku dalam Sukom Ninety Eight Berhad.

"Ekoran dari kritikan yang dilemparkan itu, seluruh kakitangan Sukom Ninety Eight Berhad digambarkan tidak menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan dan hal ini menjadikan moral mereka jatuh," katanya.

Sambil menafikan tuduhan kononnya tiada usaha dibuat berhubung publisiti, Hashim berkata Sukom Ninety Eight Berhad telah mengadakan perbincangan mengenainya dengan Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Penerangan dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

"Beberapa bulan lalu, pihak saya telah berbincang dengan kementerian yang diterajui oleh Sabbaruddin dan kata sepakat dicapai, iaitu pihak Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia berperanan mengadakan publisiti di peringkat antarabangsa sementara Sukom Ninety Eight Berhad dan Kementerian Penerangan terlibat di peringkat nasional," katanya.

Muhyiddin yang turut hadir kelihatan tergamam dan berkata beliau tidak menjangka perkara itu akan terjadi.

"Saya rasa sungguh terkejut kerana pertemuan ini sebenarnya hanya untuk mendengar taklimat mengenai operasi Sukom Ninety Eight Berhad ketika hanya tinggal 452 hari lagi menjelang sukan berprestij itu," katanya.

Muhyiddin berkata kementerian tidak menghadapi masalah untuk bekerjasama dengan Sukom Ninety Eight sebelum ini dan saling berganding rapat walaupun kadangkala timbul perbalahan kecil.

"Perkara seperti itu tidak dapat dielakkan dan semua pihak haruslah memandang dari aspek positif untuk kebaikan bersama," katanya.

Hashim, bekas Panglima Angkatan Tentera Malaysia, ditawarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menerajui Sukom pada

Disember 1992 selepas Malaysia diumumkan tuan rumah temasya sukan itu.

Beliau bermula sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pada Januari 1993 dan kemudiannya memegang jawatan pengerusi eksekutif pada penghujung tahun yang sama.

Sukan Komanwel di sini dijadual berlangsung dari 11 hingga 21 Sept tahun depan. -- BERNAMA

MAN MAI